

## MUIP sumbang peralatan perubatan bernilai RM973,000

[Mohd Rafi Mamat](#) - Mac 14, 2021 @ 10:07am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Baitulmal dan Operasi) MUIP, Dr Asmadi Abdul Rahman dan Pengarah Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS), Dr Nor Azalina Abdul Aziz (kiri) melihat alat imbasan bayi dalam kandungan yang disumbangkan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).- Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

TEMERLOH: Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) menyediakan peralatan perubatan bernilai lebih RM973,000 kepada hospital dan klinik kesihatan di negeri ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Baitulmal dan Operasi) MUIP, Dr Asmadi Abdul Rahman, berkata, sumbangan diberikan itu untuk kemudahan merawat pesakit yang menjalani rawatan.

"Setiap tahun MUIP menyediakan bantuan kepada hospital dan klinik kesihatan di negeri ini membabitkan beberapa jenis peralatan yang diperlukan, namun mereka bertanggungjawab menyediakan kertas cadangan permohonan peralatan diperlukan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan replika cek bantuan peralatan perubatan bernilai RM973,152 kepada hospital dan klinik kesihatan di negeri ini yang diwakili pengarah Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS), Dr Nor Azalina Abdul Aziz, di sini, semalam.

Asmadi berkata, MUIP memberi dua unit alat imbasan bayi dalam kandungan kepada

HoSHAS bagi tujuan melancarkan lagi tugas kakitangan hospital dibahagian berkenaan.

"Bantuan diberikan hasil bayaran zakat, justeru lebih banyak wang diterima lebih banyak bantuan diberikan kepada mereka yang layak," katanya.